

# Xinjiang Polytechnic College Rakan Antarabangsa UniMAP Yang Baru

**18hb April 08**, - Xinjiang Polytechnic College yang terletak di Urumugi, China adalah rakan antarabangsa UniMAP yang baru. Dalam lawatan Naib Canselor UniMAP pada bulan April, 2008, satu MOU telah ditandatangani di antara UniMAP yang diwakili oleh Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin dan Xinjiang Polytechnic, Prof. Zhou Fu Xiang.

Sebelum menandatangani MOU tersebut Dato' Prof. Dr Kamarudin Hussin telah melawat Kementerian Pendidikan Xinjiang (XJMOE), di mana beliau telah bertemu dengan Puan Wang Lili, Pengarah XJMOE. Puan Wang juga adalah Penyelaras Hal Ehwal Luar di antara Kementerian. Beliau juga menyokong kerjasama Kementerian Pendidikan Xinjiang dalam memperkenalkan UniMAP kepada pelajar China yang berminat untuk melanjutkan pelajaran mereka di dalam ijazah tinggi.

UniMAP berminat dalam menjalinkan kerjasama dengan Xinjiang Polytechnic College dalam bidang akademik dan penyelidikan yang mana akan memberi manfaat kepada kedua belah pihak. Xinjiang Polytechnic College telah ditubuhkan pada tahun 1958, mempunyai 12 jabatan, 500 staf akademik dan lebih kurang 8000 orang pelajar.